

berikutnya sepatutnya mampu mendisiplin jiwa untuk tunduk dan patuh kepada segala perintah Allah, al-Quran yang ditadaruskan, Qiyam berterawih dan bertahajjud juga sememangnya mampu melatih jasad ini untuk menjadi lebih hebat dan perkasa sebagaimana generasi al-Quran yang dibina oleh Rasulullah SAW. Malah lisan dan lidah yang dikerah dan diarah untuk mengalunkan zikrullah serta selawat yang berpanjangan yang mengiringi Solat Tarawih sepanjang Ramadan, seharusnya mampu menggerunkan musuh apabila umat ini bertakbir membesarkan Allahu Taala di pagi Syawal yang mulia ini. **Malah** inilah yang dimaksudkan dengan kemenangan hakiki terzahir dari pensyariatian puasa di Ramadan ini sebagaimana difirmankan dalam surah al-Baqarah: 183;

7

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Maksudnya, *“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu beroleh ketaqwaan.”* (Surah al-Baqarah: 183)

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ , وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat Sidang Syawal Yang Dimuliakan...

8

Rasulullah SAW melalui kalam Allah menjanjikan buat umat ini akan kemenangan khususnya di akhirat namun sebegitu jua di dunia ini. Banyak ayat-ayat Allah SWT yang menjanjikan pertolongan dengan memberi kejayaan dan kemenangan buat umat ini, antara lain di dalam Firman-Nya yang berbunyi:

إِنَّا لَنَنْصُرُ رُسُلَنَا وَالَّذِينَ ءَامَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ يَقُومُ الْأَشْهُدُ ﴿١٩٠﴾

Maksudnya, *“Sesungguhnya Kami akan menolong Rasul-Rasul Kami dan orang-orang*

yang beriman dalam kehidupan dunia dan pada hari tampilnya para saksi (hari Kiamat).”

(Surah Ghafir: 51)

Begitu juga kita yakin dengan janji benar dari Rasulullah SAW di dalam sabdanya bermaksud:

“Akan sentiasa wujud daripada umatku, sekumpulan yang terus menegakkan kebenaran dan tegas mendepani musuh. Tidak memudaratkan perjuangan mereka walaupun dipinggirkan dan dirintangi kesusahan, melainkan semua itu hanyalah ujian, sehinggalah datang ketentuan Allah. Mereka akan tetap sedemikian”. Sahabat bertanya, “Di mana mereka itu?” Baginda menjawab, “Mereka berada di Baitul Maqdis dan di kawasan sekitarnya”. (Hadis riwayat Imam Ahmad)

Lantas dengan 2 dalil dari kalam Allah dan kalimah Rasulullah SAW ini, mari kita mengambil ibrah dari bulan Ramadan dan puasa yang mungkin kita akan temui lagi, In Sya Allah di tahun hadapan jika kita dipanjangkan umur bagi membina kejayaan, menggarap kemenangan dan menggapai kecemerlangan umat Muhammad SAW. Kita pasti akan menang, **seandainya....**

Pertama. **Puasa Laksana Puasa Sahabat dan Salafus Soleh**. Bagaimana rupa puasa mereka..? Berkata Mu'alla bin Fadli bahawa, *“Para salafus soleh dahulu berdoa kepada Allah selama enam bulan agar disampaikan (usianya) kepada bulan Ramadhan kemudian mereka berdoa selama enam bulan berikutnya agar ibadah mereka selama di Bulan Ramadhan tersebut diterima.”*

Ini adalah bentuk puasa Salafus Soleh, adapun kita bagaimana pula agaknya...? Bagaimana kalau hari raya yang kita sambut ini seumpama kita meraikan pemergian

Ramadan yang kita anggap menyusahkan kita untuk berlapar dan dahaga, memenatkan kita bersolat Taraweh dan berjaga malam untuk melakukan qiam, maka dengan itu adakah mungkin kita mengharapkan sebuah kemenangan yang hakiki. Oleh itu, yakin dan belajarlah untuk menyantuni Ramadan sebagaimana amalan dan corak puasa Salafus Soleh terdahulu demi membina kekuatan ummat yang mampu menarik pertolongan dan kemenangan dari Allah SWT.

Kedua. Menjadi Orang Berpuasa Yang Merasakan Puasanya Tidak Diterima. 11

Hadirin dan hadirat tetamu Allah di pagi Syawal... Benarkah kalau ditanya pada hati, mungkin tidak terdetik sedikit pun di sanubari kita untuk bertanya bahawa puasa yang dikerjakan 30 hari yang berlalu malah 30, 40 atau 50 tahun yang lalu, sama ada ia diterima oleh Allah SWT atau sebaliknya...? Hari ini kita berlelgang dengan hati yang senang, berbaju baru yang cantik dan indah namun adakah terlintas memikir dan meletakkan rasa kerunsingan bahawa ibadah puasa sebulan yang kita laksanakan sebelum iniditerima atau sebaliknya. Adakah nama kita tersenarai dan tercatat dalam senarai pendek hamba-hamba yang menerima keampunan Allah SWT sepanjang bulan Ramadan. Adakah nama kita tercatat dalam catitan para Malaikat yang mana kita terselamat dari bakaran dan kepanasan api neraka...?

Sedangkan ada disebut di dalam kitab Nashoihul Ibad karangan Syeikh Naawi al-Bantani bahawa di antara 4 tanda kecelakaan bagi seseorang salah satunya adalah,

ذِكْرُ الْحَسَنَاتِ الْمَاضِيَةِ وَلَا يَذْرَى أَقْبَلَتْ أَمْ رُدَّتْ ,maksudnya, “*mengingati kebaikan (ibadah dan kebajikan) yang telah dibuat (bagaikan sudah diterima) sedangkan dia tidak tahu ianya diterima mahupun tidak..*”.

Ketiga. Raikan Syawal Sebagai Tanda Kemenangan Ke Atas Nafsu Bukan

12

Merajakan Nafsu. Ramadan didatangkan untuk mendidik hawa nafsu yang sudah bermaharajalela selama 11 bulan, agar gejolak nafsu tidak terlalu terus bergelodak dalam dosa dan noda serta mampu menyelamatkan diri, keluarga, masyarakat dari kemelut akhlak yang merosakkan nilai hingganakan meninggalkan keladak pada budaya melayu yang mulia. Namun sayang 1000 kali sayang, di kala Ramadan sedang menyajikan 3 fasa kemuliaannya iaitu fasa **Kerahmatan Ilahi**, fasa **Keampunan Dosa** dan fasa **Kebebasan Neraka**, tetapi masih ada mereka yang tegar memperajakan nafsu, mempengaruhi masyarakat ramai dengan video dan kisah-kisah yang memual dan memalukan agama serta bangsa Melayu yang penuh dengan nilai kesopanan dan adab tata susilanya.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ , وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

13

Sidang Jemaah Syawal Yang Diraikan... Kita pasti akan menang seandainya kita menjadikan ketiga perkara itu sebagai pedoman dan iktibar sekiranya Ramadan bertandang lagi dalam kamus kehidupan kita semua.

Malah di kesempatan berkhotbah di 1 Syawal yang mulia ini, ingin saya lontarkan

14

juga pesanan dan nasihat bahawa, kita di sini bukannya sebagaimana Abal Basyar Nabi Adam AS dicampak seseorang di dunia, namun kita dilahirkan dari rahim seorang ibu yang mulia, dari benih seorang bapa yang berjasa, kita menumpang bersama adik-beradik yang lain di dinding rahim yang sama. Lalu kita harus bertanya, di manakah mereka sekarang...? Andai masih di atas perut bumi, bahagiakah mereka dengan kita, tidak terlukakah mereka dengan tingkah laku kita...? Sudah terampunkah dosa dan

salah kita pada mereka...? Andai mereka sudah tiada... Adakah sudah terkambus cerita keindahan semalam bersama mereka...? Bilakah doa dan hadiah bacaan al-Fatihah terakhir kita buat mereka...?

Buat yang masih ada ayahbonda, pulanglah berhari raya, bersimpuhlah dengan penuh kerendahan di hadapan mereka, peluklah saudara serahim kita dan ciumilah tangan-tangan mereka walaupun tangan mereka lebih kasar dari kita, mungkin yang kasar itulah pernah menyuap sebutir nasi ke mulut kita seketika kecil dahulu. Malah mungkin jua jari jemari itulah yang selalu mencubit peha kita demi membetulkan kesalahan dan kenakalan zaman ramaja kita. Jangan pernah lupa jasa mereka, kembalilah berbudi pada mereka, memberilah sekiranya ada, bermaaf-maafanlah selagi boleh dan ada masa, dakapilah selagi usia kita dan mereka masih ada, yakinilah bahawa masa kita semakin suntuk untuk terus bersama, tali umur kita semakin pendek, nyalaan api usia kita semakin malap. Untuk itu, jadilah hamba Allah Taala yang setia, beribadallah dengan sesungguhnya-sungguhnya, jagalah syariat dengan semahumahunya, teguhkanlah akhlak yang mulia hingga ke tutup usia. Kita pasti akan menang... Sudah pasti kita akan menang... kalau tidak menang di dunia tetapi sudah pasti kita akan menang di akhirat kelak.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ. اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.